



الكلية الجامعية الإسلامية بملاكا  
**KOLEJ UNIVERSITI ISLAM MELAKA**  
*UNIVERSITY COLLEGE OF ISLAM MELAKA*



**KETERANGAN MENGENAI ISTIADAT KONVOKESYEN KE-14  
KOLEJ UNIVERSITI ISLAM MELAKA**

**1.0 Tarikh Istiadat Konvokesyen**

- 1.1 Istiadat konvokesyen ke-14 akan diadakan pada masa dan tempat seperti berikut:-

<b>Tarikh</b>	<b>:</b>	<b>5 Ogos 2010 (21 Sya'ban 1431H)</b>
<b>Tempat</b>	<b>:</b>	<b>Dewan Seri Negeri, Ayer Keroh Melaka</b>
<b>Masa</b>	<b>:</b>	<b>8.00 pagi hingga 1.00 petang</b>
<b>Hari</b>	<b>:</b>	<b>Khamis</b>

**2.0 Kehadiran Graduan**

- 2.1 Sebagaimana termaktub dalam Acara Konvokesyen KUIM, diploma-diploma hendaklah dikurniakan hanya kepada graduan yang hadir di sesuatu Konvokesyen.
- 2.2 Oleh yang demikian, adalah mustahak bagi pihak kolej ini mengetahui bilangan graduan yang hadir atau sebaliknya dan para graduan diminta mengisi borang jawapan kehadiran yang dilampirkan dan memulangkan semula kepada Urusetia Jemputan tersebut dengan segera kepada alamat seperti yang tercatat. Semua borang pengesahan kehadiran hendaklah sampai pada atau sebelum **29 Julai 2009**.
- 2.3 Semua graduan hendaklah mematuhi arahan kehadiran yang telah ditetapkan.
- 2.4 Graduan tidak dibenarkan menanggungkan istiadat konvokesyen ataupun mewakili kepada orang lain bagi menghadiri istiadat Konvokesyen.
- 2.5 Kehadiran graduan adalah tertakluk kepada semua yuran/denda pelajar dengan pihak kolej telah dijelaskan (sila rujuk dengan Bahagian Kewangan).

**3.0 Pinjaman dan Pemulangan Pakaian Akademik**

- 3.1 Pakaian akademik yang mengandungi sehelai jubah bagi Akademi Pengajian Islam, Fakulti Inovasi Perniagaan dan Perakaunan, Fakulti Kejururawatan dan Fakulti Pengurusan Hospitaliti, beserta sehelai 'tudung' (warna putih- hanya bagi graduan wanita muslim) dan songkok (graduan lelaki yang beragama islam) diwajibkan untuk dipakai pada waktu konvokesyen. Tudung dan songkok tersebut **tidak disediakan** oleh KUIM.
- 3.2 Graduan hendaklah terlebih dahulu membayar sewaan jubah graduan (RM 50.00 sehelai) di Bahagian Kewangan sebelum mengambil dari Jawatakuasa Jubah. **(Resit bayaran hendaklah dikemukakan semasa mengambil pakaian akademik dan transkrip serta sijil diploma).**

- 3.3 Pakaian akademik boleh di Kampus Utama, Kolej Universiti Islam Melaka pada tarikh dan masa yang ditetapkan seperti berikut:-

<b>Tarikh</b>	<b>:</b>	<b>29 Julai hingga 04 Ogos 2010</b> <b>(Sabtu &amp; Ahad tutup)</b>
<b>Masa</b>	<b>:</b>	<b>09.00 pagi – 4.00 petang</b>

3.4 **Pemulangan Pakaian Akademik**

Pakaian akademik (jubah) yang dipinjamkan boleh **dikembalikan semula di kaunter serahan jubah di Dewan Seri Negeri setelah tamat istiadat konvokesyen.**

Sekiranya graduan ingin membawa pulang Jubah bagi tujuan tertentu jubah boleh dipulangkan semula bermula pada **05 Ogos hingga 13 Ogos 2010** (8.00 pagi hingga 4.00 petang) (Isnin hingga Jumaat (hari bekerja sahaja) ) di Kolej Universiti Islam Melaka, Kuala Sungai Baru, Melaka.

**PERHATIAN** : Pihak kolej akan mengenakan **DENDA** lewat RM 5.00 setiap hari selepas tarikh-tarikh yang tersebut iaitu mulai 16 Ogos 2010 terhadap mereka yang lewat menyerahkan pakaian akademik (jubah). Bayaran denda lewat hendaklah dibuat di Bahagian Kewangan KUIM.

- 3.5 Jika pakaian akademik (jubah) yang dipinjam itu rosak atau hilang, bayaran akan dikenakan dan sijil diploma tidak akan dikeluarkan sehingga bayaran tersebut dijelaskan. Bayaran tersebut adalah seperti berikut :-

<b>JUBAH - Hilang</b>	<b>= RM 200.00</b>
<b>- Lewat (16 Ogos – 24 Sept 2010)</b> (tidak termasuk Sabtu dan Ahad)	<b>= RM 5.00 sehari</b>
<b>- Lewat (bermula 20 September 2010)</b>	<b>= RM 150.00</b>

- 3.6 Graduan tidak dibenarkan meminda/ mengubahsuai secara kekal mana-mana bahagian pakaian akademik (jubah) yang dipinjam.

**4.0 Pakaian Akademik (Sehelai Jubah Konvokesyen)**

- 4.1 Semua graduan yang menghadiri Istiadat Konvokesyen hendaklah, dalam majlis itu, berpakaian seperti berikut:-

4.1.1 **Graduan Diploma**

**Wanita** - Baju Kurung (wajib kepada semua), bertudung, serta pakaian akademik (jubah serta tudung konvokesyen). ***(Kain belah serta pendek dan seluar tidak dibenarkan sama sekali)***

- Berstokin dan berkasut (bertutup penuh). **Sandal TIDAK DIBENARKAN sama sekali**

- Lelaki** - Berbaju melayu warna hitam beserta songket hitam dan bersongkok hitam (kopiak tidak dibenarkan sama sekali) pakaian akademik (jubah konvokesyen) dan berstokin hitam serta bersepatu (warna hitam). ***Sandal tidak dibenarkan sama sekali.***
- Rambut dipotong pendek dan kemas.

4.2 Istiadat Konvokesyen ini adalah satu upacara rasmi. Para graduan diingatkan supaya mematuhi **peraturan pakaian** dan **kekemasan diri** yang telah dinyatakan diatas. **Para graduan yang tidak mematuhi mana-mana peraturan pakaian/ kekemasan diri boleh hadir ke majlis tetapi TIDAK DIBENARKAN berarak serta naik ke pentas untuk upacara pengurniaan diploma.**

## 5.0 Surat Jemputan

5.1 Setiap graduan menghadiri Istiadat Konvokesyen dibenarkan membawa 2 (dua) orang tetamu sahaja.( kupon memasuki dewan akan diberikan bersama)

## 6.0 Taklimat dan Raptai

6.1 Satu taklimat dan raptai akan diadakan bagi graduan. Taklimat dan Raptai ini akan diadakan pada **03 Ogos 2010 (Selasa)** jam **8.00 pagi di Dewan Seri Negeri, Ayer Keroh Melaka.**

Semua Graduan **DIWAJIBKAN** untuk menghadiri taklimat dan raptai ini supaya lebih memahami acara yang akan dijalankan pada hari Konvokesyen nanti.

## 7.0 Perarakan Graduan Pada Hari Konvokesyen

7.1 Graduan yang hadir hendaklah berkumpul di luar Dewan Seri Negeri, Ayer Keroh selewat-lewatnya pada **jam 7.00 pagi**. Perarakan graduan akan bermula pada **jam 9.00 pagi**.

7.2 Graduan yang lewat tidak dibenarkan masuk untuk menyertai Istiadat Konvokesyen.

7.3 Graduan diingatkan supaya berkumpul pada masa dan tempat yang ditetapkan. Bagi mengelakkan kesesakan lalulintas menuju ke dewan, para graduan diminta mematuhi arahan-arahan yang diberikan oleh pegawai-pegawai yang bertugas.

7.4 Graduan dan Penjaga yang hadir **DINASIHATKAN AGAR BERSARAPAN** terlebih dahulu pada pagi tersebut bagi mengelakkan berlaku sebarang masalah yang tidak diingini kerana majlis dijangka akan selesai pada jam 1.00 petang.

## 8.0 Peraturan Masuk Dewan Bagi Tetamu Graduan

- 8.1 Pakaian - Baju Batik Malaysia
- 8.2 Kanak- kanak dibawah umur 12 tahun, Kamera, Perakam video dan telefon bimbit tidak dibenarkan dibawa masuk ke dalam dewan semasa istiadat Konvokesyen berlangsung.
- 8.3 Para jemputan diminta mengambil tempat duduk 30 minit sebelum istiadat konvokesyen bermula.
- 8.4 Setiap graduan dibenarkan untuk membawa dua orang tetamu sahaja dan kupon masuk yang dikepilkan perlu dibawa bersama untuk kebenaran masuk di pintu utama.
- 8.5 Para hadirin **DIINGATKAN UNTUK BERSARAPAN** terlebih dahulu sebelum masuk ke dalam dewan.

## 9.0 Cara pengurniaan

- 9.1 Graduan akan menerima scroll diploma masing- masing secara individu di atas pentas daripada Canselor KUIM.

## 10.0 Mengambil Sijil, Diploma dan transkrip keputusan peperiksaan

- 10.1 Graduan boleh mengambil transkrip penuh dan Diploma pada **hari konvokesyen** di kaunter yang telah di tetapkan **atau** di KUIM mulai **6 OGOS 2010** di Bahagian Akademik Kolej Universiti Islam Melaka tertakluk kepada syarat-syarat berikut :-
  - 10.1.1 Graduan mestilah menunjukkan resit bayaran sewaan pakaian akademik.
  - 10.1.2 Graduan telah memulangkan pakaian akademik (jubah) dan mestilah menunjukkan resit yang membuktikan bahawa pakaian akademik telah diserahkan kembali dengan lengkap.
  - 10.1.3 **Graduan yang masih berhutang hendaklah menjelaskan hutang sebelum sijil dan diploma dikeluarkan. Sila dapatkan resit/surat pengesahan dari bahagian Kewangan yang menyatakan hutang telah dijelaskan.**
  - 10.1.4 Sekiranya graduan tidak dapat datang untuk mengambil sendiri sijil atau diplamanya beliau boleh **melantik seorang wakil untuk mengambil sijil atau diploma bagi pihaknya. Graduan hendaklah memberikan surat kuasa yang sewajarnya kepada wakilnya. Surat-surat hendaklah dialamatkan kepada Pengarah Hal Ehwal Akademik Kolej Universiti Islam Melaka dan menyatakan nama dan nombor kad pengenalan wakil yang dilantik itu.** Syarat- syarat diatas (10.1.0, 10.1.2 dan 10.1.3 ) juga perlu dipatuhi sebelum sijil atau diploma diserahkan kepada wakil. **(kehilangan sijil/ diploma yang diambil oleh wakil adalah tanggungjawab graduan)**

- Sekiranya graduan mempunyai tunggakan yuran transkrip dan diploma hanya boleh diambil di KUIM setelah semua yuran tunggakan